

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendekatan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan kemalangan diri **TravelPro Takaful**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah itu TravelProTakaful?

TravelPro Takaful menyediakan perlindungan kepada orang yang dilindungi sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang tertentu semasa perjalanan domestik atau antarabangsa, untuk tujuan perniagaan atau percutian. Ia menyediakan pampasan untuk manfaat kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan, perbelanjaan perubatan disebabkan kemalangan atau penyakit, pelbagai kesulitan perjalanan, kehilangan atau kerosakan bagasi dan/atau barangan peribadi, liabiliti peribadi, dan perkhidmatan kecemasan. Orang yang dilindungi boleh memperluaskan perlindungan dengan memilih manfaat tambahan, yang memerlukan bayaran sumbangan tambahan. Terma-terma dan syarat-syarat lengkap yang berkaitan manfaat-manfaat ini dinyatakan di dalam sijil takaful.

Kontrak Syariah Yang Diguna Pakai

Kontrak Syariah yang diguna pakai di bawah produk ini ialah Tabarru', Wakalah, Ju'alah dan Qard. Untuk definisi kontrak syariah, sila rujuk sijil takaful.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Anda akan menerima perlindungan takaful seperti berikut:

- Kematian atau hilang upaya kekal
- Perbelanjaan perubatan
- Kesulitan perjalanan
- Kehilangan atau kerosakan barangan peribadi
- Liabiliti peribadi
- Pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang
- COVID-19 (untuk perjalanan Antarabangsa sahaja)

Dengan membayar sumbangan tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan di bawah:

- Aktiviti-aktiviti berbahaya
- Penjagaan rumah lanjutan (untuk perjalanan Antarabangsa sahaja)
- Perlindungan golf
- Ekses sewa kereta (untuk perjalanan Antarabangsa sahaja)
- Kehilangan atau kerosakan kepada bagasi dan barangan peribadi (untuk perjalanan Antarabangsa – pelan Platinum sahaja)

Nota:

- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Bantuan tuntutan disediakan melalui Khidmat Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 Jam di talian +603 2785 6565.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sijil takaful anda tidak melindungi:

- Keadaan penyakit sedia ada;
- Kecederaan yang disengajakan, cubaan membunuh diri, gangguan mental;
- Komplikasi kehamilan, penyakit kelamin, HIV, alkohol atau dadah;
- Perjalanan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang biasa berjadual atau pesawat berlesen yang disewa;
- Terlibat dalam sukan, pekerjaan, atau aktiviti yang berbahaya kecuali aktiviti-aktiviti tersebut telah di lindungi di bawah aktiviti berbahaya (manfaat pilihan) yang telah anda sertai;
- Perjalanan dalam, ke atau melalui negara-negara atau kawasan-kawasan yang tertakluk kepada peperangan, konflik, atau diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam bagi Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO);
- Perjalanan ke negara/wilayah yang dikenakan sekatan menyeluruh tertentu dan destinasi lain yang dikecualikan;
- Penyertaan dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti serangan yang diprovokasi;
- Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan;
- Membuat perjalanan untuk mengerjakan ibadah haji.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-88-6688
(Pusat Perkhidmatan Kumpulan Maybank)



Layari laman web ¹



Email kepada
info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

¹ salin pautan ini: https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/insurance/personal_accident_listing.page

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk TravelPro Takaful, jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah berdasarkan bilangan hari perjalanan, umur, destinasi dan pelan yang dipilih. Sebagai sampel ilustrasi untuk 10 hari perjalanan dengan jumlah manfaat RM 300,000, Pelan Emas, Kawasan 3, anda perlu membayar sumbangan sebanyak:

Sumbangan Asas	RM 113.50
Perlindungan Tambahan	
1. Aktiviti-aktiviti sukan berbahaya	RM 36.00
2. Penjagaan rumah lanjutan	RM 33.50
3. Perlindungan golf	RM 17.50
4. Ekses sewa kereta	RM 85.50
5. Kehilangan atau kerosakan kepada bagasi dan barangan peribadi	RM 134.00
Jumlah Sumbangan	RM 420.00
Anda juga harus membayar fi and caj berikut:	
Komisen Dibayar Kepada Pengantara	25%
Cukai Perkhidmatan – *untuk kawasan Domestik sahaja	0%
Jumlah Wakalah Fi	Sehingga 45%
Duti Setem	RM 10.00
Jumlah Sumbangan Perlu Dibayar	RM 430.00

Nota:

- Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.
- Sila rujuk jadual sumbangan di dalam risalah untuk maklumat lanjut.

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
2. Perlindungan takaful hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas sijil. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.
4. Kawasan perjalanan adalah Domestik (dalam Malaysia), Antarabangsa – Perak, Antarabangsa – Emas, dan Antarabangsa Platinum.
5. Pelan tersedia adalah Individu (untuk Dewasa dan Warga Emas), Keluarga dan Berkumpulan.
6. Perlindungan tersedia untuk satu perjalanan, perjalanan tahunan atau perjalanan sehala. Semua perjalanan mesti dimulakan di Malaysia.
7. Tempoh perjalanan:
 - a. Perjalanan Antarabangsa:
 - Pelan satu perjalanan: setiap perjalanan tidak boleh melebihi 180 hari berturut-turut.
 - Pelan tahunan: setiap perjalanan tidak boleh melebihi 90 hari berturut-turut.
 - Pelan perjalanan sehala: perlindungan akan tamat 72 jam dari masa ketibaan yang dijadualkan di destinasi akhir anda
 - b. Perjalanan Domestik:
 - Pelan satu perjalanan: setiap perjalanan tidak boleh melebihi 30 hari berturut-turut.
 - Pelan tahunan: setiap perjalanan tidak boleh melebihi 30 hari berturut-turut.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Penamatan sedemikian akan berkuat kuasa daripada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana tarikh yang terkemudian. Walau bagaimanapun, pemulangan sumbangan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam sijil takaful.